

Alexander ikrar teruskan legasi datuk

Komite tangani permasalahan rakyat terutama berkaitan kos sara hidup

Kuching: Datuk Alexander Nanta Linggi menyifatkan pelantikannya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai tanggungjawab berat yang akan dilaksanakan sebaik mungkin.

Beliau yang meneruskan legasi datuknya, mendiang Tun Jugah Bareng, memegang jawatan dalam Kabinet Persekutuan, komited untuk menangani permasalahan rakyat, terutama berkaitan kos sara hidup.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, beliau berkata, tanggungjawab itu adalah cabaran baharu buatnya.

"Saya tidak menyangka dilantik mengetua kementerian yang amat penting untuk rakyat, namun bersedia menggalasnya."

"Saya mengharapkan bantuan semua pihak, terutama pada peringkat kementerian untuk memastikan kelancaran pengurusan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Alexander, 61, pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Kemanjangan Luar Bandar dan Wilayah ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN).

Sementara itu, Datuk Seri Dr

Wan Junaidi Tuanku Jaafar, 74, tidak menyangka diberi kepercayaan menerajui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kerana tidak memiliki pengalaman tugas dalam bidang keusahawanan.

Bagaimanapun, katanya, pemilihan itu mungkin berdasarkan kelayakan akademiknya yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan keusahawanan.

"Saya memulakan kerjaya sebagai pegawai polis, kemudian menjadi peguam sebelum mencebur politik.

"Ini satu cabaran dan saya akan manfaatkan apa yang dipelajari untuk melakukan yang terbaik untuk rakyat," katanya.

Bekas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ketika pentadbiran BN itu berkata, perkara pertama terlintas dalam

Saya tidak menyangka dilantik mengetua kementerian yang amat penting untuk rakyat, namun bersedia menggalasnya.

*Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

fikiran selepas namanya diumumkan untuk jawatan itu ialah mengukuhkan sektor koperasi di negara ini.

Di Kota Kinabalu, Ahli Parliment Beluran, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, yang dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Industri Makanan, menganggap jawatan itu sebagai penghormatan besar untuk pemimpin Sabah.

"Pelantikan ini adalah penghormatan tertinggi buat wakil rakyat

Sabah. Ini tanggungjawab besar dan saya akan melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaiknya, berdedikasi dan penuh cemerlang," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menyedari pertanian adalah antara sektor terpenting dalam negara, beliau mengharapkan kerjasama semua pihak untuk seiring dalam melaksanakan segala perancangan demi manfaat rakyat.



Isnin, 9 March 2020 | 6:04pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi.

KPDNHEP: Menteri Alexander, Timbalan Rosol

PUTRAJAYA: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri ialah Datuk Rosol Wahid.